



TENAGA BURUH MALAYSIA, JULAI 2025

Kadar pengangguran pada Julai 2025 kekal **3.0 peratus**, mencatatkan 521.6 ribu penganggur

PENGANGGURAN

JULAI 2025



Bilangan penganggur

521.6 ribu

Kadar pengangguran

3.0%

Kadar pengangguran Julai kekal 3.0 peratus seperti Jun 2025

JULAI' 2024 553.2 ribu
JUN 2025 518.7 ribu

JULAI' 2024 3.3%
JUN 2025 3.0%

Pengangguran mengikut kategori



PENDUDUK BEKERJA

JULAI 2025

Bilangan penduduk bekerja

16.95 juta


Nisbah guna tenaga kepada penduduk

68.7%

JULAI' 2024 16.44 juta
JUN 2025 16.92 juta

JULAI' 2024 68.3%
JUN 2025 68.7%

Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan



TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

17.47 juta

JULAI 2025

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

70.8%


JULAI' 2024 17.00 juta
JUN 2025 17.43 juta

JULAI' 2024 70.6%
JUN 2025 70.8%


70.8%

Kadar penyertaan tenaga buruh tidak berubah iaitu pada 70.8 peratus pada Julai 2025, sama seperti pada bulan Jun

KPTB mengikut jantina



LUAR TENAGA BURUH




Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komponen terbesar luar tenaga buruh



Nota :
% Peratus perubahan (tahun ke tahun)
% Peratus perubahan (bulan ke bulan)
mp Mata peratus
Tidak berubah
Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Penganggur dan kadar pengangguran, Julai' 2024 dan Jun - Julai 2025



Kadar pengangguran pada Julai 2025 kekal 3.0 peratus, mencatatkan 521.6 ribu penganggur

- Bilangan **tenaga buruh** pada Julai 2025 terus merekodkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak **0.2 peratus**, mencecah kepada seramai **17.47 juta orang** (Jun 2025: 17.43 juta orang). Sementara itu, **kadar penyertaan tenaga buruh** kekal pada **70.8 peratus** seperti Jun 2025.
- Bilangan **penganggur** pada bulan tersebut bertambah sebanyak **0.6 peratus** kepada **521.6 ribu orang** (Jun 2025: 518.7 ribu orang).
- **Kadar pengangguran** kekal pada **3.0 peratus**, tidak berubah daripada bulan sebelumnya.
- Bilangan **penduduk bekerja** terus berada dalam trend peningkatan pada Julai 2025, dengan kenaikan sebanyak **0.2 peratus** merekodkan **16.95 juta orang** (Jun 2025: 16.92 juta orang).
- Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor **Perkhidmatan** terus mengekalkan momentum yang menggalakkan pada bulan tersebut, terutamanya dalam aktiviti **Perdagangan borong & runcit; Penginapan dan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi**. Pada masa yang sama, sektor **Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, serta Perlombongan & pengkuarian** turut merekodkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga.
- Bilangan penduduk di **luar tenaga buruh** pada bulan tersebut merekodkan peningkatan sebanyak **0.2 peratus** kepada **7.19 juta orang** (Jun 2025: 7.18 juta orang).

